



LAPORAN KERJA LA21 TAHUN 2023

LAPORAN

- Bengkel
- Taklimat
- Program Sekolah
- Upcycle

JABATAN PERHIDMATAN PERBANDARAN



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	PUSAT PENDIDIKAN HIJAU (EDUGREEN CENTER) MBSP
TEMPAT	PADANG CHEMPEDAK
TARIKH	9 JANUARI 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di bawah Bahagian Persekitaran Mampan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran menjalankan aktiviti kebun komuniti di Seberang Perai. Senarai aktiviti kebun kejiranan di Seberang Perai adalah seperti di Lampiran Satu. Aktiviti kebun komuniti ini bertujuan untuk menggalakkan orang awam menghasilkan sumber makanan secara sendiri. Selain dari aspek keselamatan makanan, ia juga dapat mengurangkan jejak karbon dalam proses mendapatkan sumber makanan. MBSP juga mewujudkan sebuah Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak, yang merupakan kerjasama yang dijalinan bersama UPSI. PPHPC ini mempunyai ambik info pasai pphpc yg dlm paper kelulusan baru ni. Di PPHPC juga terdapat 33 plot kebun komuniti yang digunakan bagi bengkel urban farming yang diadakan di PPHPC mengikut permintaan dari pihak komuniti atau sekolah.





PROGRAM	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MENGUMPUL KOTAK MINUMAN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA 2023
TEMPAT	DEWAN KENANGA
TARIKH	4 JULAI 2023

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengumpul Kotak minuman Sempena Tahun Baharu Cina 2023 telah dirasmikan oleh Ahli Majlis En. Tan Cheen Teong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk LA21 pada 4 Julai 2023 di Dewan Kenanga, Menara MBSP. Sebanyak 24 Sekolah (SJKC) Seluruh Seberang Perai telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan telah berjaya mengumpul dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,914 Kilogram kotak minuman.





PROGRAM	TAKLIMAT PENGURUSAN SISA KITAR SEMULA KE ARAH PERSEKITARAN MAMPAN KEPADA MPKK DAERAH SPU, SPT, SPS DAN PIHAK PENGURUSAN PUSAT-PUSAT KITAR SEMULA DI SEBERANG PERAI
TEMPAT	DEWAN AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	23 JULAI 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Bahagian Persekitaran Mampan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah mengadakan satu Taklimat Pengurusan Sisa Kitar Semula ke arah persekitaran mampan kepada MPKK daerah SPU, SPT, SPS dan pihak pengurusan pusat-pusat kitar semula di Seberang Perai yang diadakan di Auditorium MBSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam. Turut hadir bersama dalam program ini ialah Encik Tan Chee Teong, Ahli Majlis MBSP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk LA21 MBSP, Puan Heng Yeh Shiuan, Encik Tan Choo Eng dan Puan Normahani Binti Muhamad, Ahli Majlis MBSP.

Taklimat yang diberikan kepada MPKK kawasan dan pihak pengurusan pusat kitar semula ini ialah mengenai pengurusan sisa dipunca (sampah di rumah) yang boleh dijadikan bahan kitar semula mengikut cara yang betul, tatacara pengurusan sisa lampu kalimantang dan bahan berasaskan kaca dengan betul dan insentif-insentif yang disediakan oleh MBSP kepada pihak pengurusan yang telah melibatkan diri dalam aktiviti kitar semula ini mengikut kriteria yang telah ditetapkan.



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	PAMERAN UPCYCLE MBSP DI PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA SEMPENA EXPO TVET@KKDW 2023 ANJURAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
TEMPAT	BERTAM SQUERE KEPALA BATAS
TARIKH	14-16 JULAI 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai di jemput bagi mengadakan pameran dalam menganjurkan Pameran Upcycle di Program Sentuhan Kasih Desa sempena Expo TVET@KKDW 2023 anjuran Kementerian Kemajuan Wilayah dan Desa di Bertam Square, Kepala Batas bermula 14 hingga 16 Julai 2023.



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	BENGKEL PENDIDIKAN UPCYCLE MBSP DI SJKC KAMPUNG JAWI
TEMPAT	SKJC KAMPUNG JAWI
TARIKH	12 JULAI 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai di jemput bagi mengadakan pameran dalam menganjurkan Pameran Upcycle di SJKC Kampung Jawi. Program tersebut turut dihadiri bersama ialah Ahli Majlis Puan Heng Yeh Shiuan bagi memeriahkan lagi program tersebut



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	LAWATAN PELAJAR NATIONAL YUNLIN UNIVERSITY OF SCIENCE & TECHNOLOGY, TAIWAN KE PUSAT PENDIDIKAN HIJAU PADANG CEMPEDAK, SPU
TEMPAT	PUSAT KEBUN KOMUNITI PADANG CEMPEDAK
TARIKH	23 OGOS 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima kunjungan daripada National Yunlin University of Science & Technology, Taiwan ke Pusat Pendidikan Hijau Padang Cempedak, SPU bertujuan untuk melihat kolaborasi yang dijalankan antara MBSP dan UPSI dalam menjayakan tanaman menggunakan kaedah fertigasi, hidroponik dan juga aktiviti kompos menggunakan cacing serta sistem solar yang dipasang di pusat ini. Turut hadir bersama ialah rakan pembimbing dari UPSI serta pegawai-pegawai kanan MBSP.



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	TAKLIMAT PENGASINGAN SISA DI PUNCA DAN DEMO PEMBUATAN BARANGAN UPCYCLE MBSP DI PROGRAM ANJURAN SEKOLAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA
TEMPAT	SK SEBERANG JAYA
TARIKH	30 OGOS 2023

Pegawai kanan serta Wira Oren dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP telah mengadakan Taklimat Pengasingan di Punca dan Demo Pembuatan Produk Upcycle sempena Program Transisi Budaya dan Alam dalam Kehidupan Manusia di Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya. Program ini turut dihadiri oleh ibu bapa pelajar, para pelajar sekolah serta guru-guru yang terlibat dalam menjaya program pendidikan ini.



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	PAMERAN UPCYCLE MBSP SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-66 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
TEMPAT	PERKARANGAN STADIUM BATU KAWAN
TARIKH	31 OGOS 2023

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP telah mengadakan pameran Upcycle di perkarangan Stadium Batu Kawan, SPS sempena sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pelbagai produk Upcycle yang kreatif & menarik telah dipamerkan kepada warga Seberang Perai yang hadir bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan. Penjelasan produk Upcycle telah diberikan serta berpeluang mendidik penduduk yang hadir bagi melibatkan diri dalam aktiviti pengasingan sisa di punca dan amalan kitar semula



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	BENGGKEL DAN TAKLIMAT PENDIDIKAN BERKENAAN UPCYCLE MBSP DI SMK CONVENT BUKIT MERTAJAM DAN SMK CONVENT BUTTERWORTH
TEMPAT	SMK CONVENT BUKIT MERTAJAM DAN SMK CONVENT BUTTERWORTH
TARIKH	8 SEPTEMBER 2023

Unit Upcycle dan pegawai kanan dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP telah mengadakan bengkel dan taklimat pendidikan berkenaan Upcycle MBSP di SMK Convent Bukit Mertajam dan SMK Convent Butterworth. Pelbagai produk Upcycle yang kreatif & menarik telah dipamerkan kepada warga sekolah, para pendidik dan murid-murid sekolah yang hadir dalam program ini. Bengkel latihan dan penjelasan produk Upcycle juga telah diberikan serta berpeluang mendidik murid-murid yang hadir bagi melibatkan diri dalam aktiviti pengasingan sisa di punca serta amalan kitar semula dalam usaha mewujudkan bandar yang hijau, bersih dan mampan kelak.





PROGRAM	PROGRAM LET'S CLEAN IT UP MALAYSIA SEMPENA WORLD CLEANUP DAY 2023
TEMPAT	SELURUH SEBERANG PERAI
TARIKH	9 SEPTEMBER 2023

Program Let's Clean It Up Malaysia Sempena World Cleanup Day 2023 anjuran Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) dengan kerjasama MBSP telah di adakan di Pantai Bersih, Butterworth. Program ini juga telah dirasmikan oleh YB Tuan Kumaran a/l Krishnan, ADUN Bagan Dalam. Program ini melibatkan sukarela keseluruhan seramai lebih kurang 4,500 orang yang telah diadakan di Pantai Bersih, Pantai Kampung Contoh, Pantai Robina, Jeti Batu Musang, Kampung Sungai Udang dan sekitar Sungai Rambai. MBSP menyediakan peralatan pembersihan kepada sukarela serta membantu menjalankan kutipan sampah yang dikumpul untuk dilupuskan



04-5497661



mampanjpp@mbsp.gov.my



PROGRAM	TAKLIMAT PENGASINGAN SISA DIPUNCA SERTA BENGKEL UPCYCLE DI SJKC KAY SIN, MACHANG BUBUK, DAN SMK DATO HJ AHMAD SAID
TEMPAT	SJKC KAY SIN DAN SMK DATO' HAJI AHMAD SAID
TARIKH	18 SEPTEMBER 2023

Wira Oren dan pegawai kanan dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP telah mengadakan taklimat pengasingan sisa di punca serta bengkel Upcycle di SJKC Kay Sin, Machang Bubok, SPT dan SMK Dato Hj Ahmad Said, SPU sempena 'STEM Showcase & Innovation Challenge' sekolah berkenaan. Pelbagai produk Upcycle yang kreatif & menarik telah dipamerkan serta diberi tunjuk ajar kepada warga sekolah, para pendidik dan murid-murid sekolah yang hadir dalam program ini. Taklimat penjelasan produk Upcycle juga telah diberikan serta berpeluang mendidik murid-murid serta warga sekolah yang hadir bagi melibatkan diri dalam aktiviti pengasingan sisa di punca serta amalan kitar semula dalam usaha mewujudkan bandar yang hijau, bersih dan mampan kelak.





PROGRAM	<p style="text-align: center;">TAKLIMAT SERTA PAMERAN PENDIDIKAN BERKENAAN AKTIVITI UPCYCLE DAN KITAR SEMULA MBSP DI AUTOCITY</p>
TEMPAT	<p style="text-align: center;">AUTOCITY, JURU</p>
TARIKH	<p style="text-align: center;">10 OKTOBER 2023</p>

Unit Upcycle dan pegawai kanan dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP telah mengadakan taklimat serta pameran pendidikan berkenaan aktiviti Upcycle dan kitar semula di Autocity, Juru. Pelbagai produk Upcycle yang kreatif & menarik telah dipamerkan kepada warga sekolah, para pendidik, murid-murid sekolah dan orang awam yang hadir dalam program ini.



PROGRAM	LAWATAN TAPAK KE KEBUN VITROX AGRITECH SDN BHD, SPU
TEMPAT	BATU KAWAN
TARIKH	13 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah mengadakan satu lawatan tapak bersama barisan Whip & Ahli Majlis MBSP serta pegawai-pegawai kanan ke kebun Vitrox Agritech, Tasek Gelugor, SPU bagi mendapatkan pendedahan penggunaan teknologi bagi aktiviti pertanian yang telah dibangunkan oleh syarikat tersebut. Lawatan ini bertujuan bagi mendapatkan inspirasi dan rujukan bagi melaksanakan aktiviti kebun komuniti kepada penduduk Seberang Perai kelak.



PROGRAM	PAMERAN UPCYCLE DAN PENGASINGAN SISA DI PUNCA MBSP DI KOMPLEKS MAKANAN KOTA PERMAI, SPT
TEMPAT	KOMPLEKS MAKANAN KOTA PERMAI
TARIKH	15 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai menganjurkan Pameran Upcycle di Kompleks Makanan Kota Permai sebagai langkah bagi mendidik masyarakat setempat dalam melaksanakan Pengasingan Sisa di Punca serta pelaksanaan inisiatif kitar semula. Pameran Upcycle ini akan diadakan setiap Ahad minggu ketiga.



PROGRAM	PAMERAN UPCYCLE MBSP SEMPENA MAJLIS PELANCARAN KAMPUNG SIAGA 221 DUN MACHANG BUBOK, SPT
TEMPAT	KAMPUNG SIAGA, MACHANG BUBUK
TARIKH	23 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah dijemput untuk mengadakan pameran Upcycle di Majlis Pelancaran Kampung Siaga 221 DUN Machang Bubok di Dewan MPKK Kampung Bukit Teh, Bukit Mertajam, SPT. Turut hadir bersama dalam program ini ialah YB Tuan Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam.



PROGRAM	PENILAIAN AKHIR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2023
TEMPAT	AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	26 OKTOBER 2023

Penilaian Sekolah Hijau 2023 peringkat Seberang Perai bagi tahun 2023 telah diadakan di sekolah secara fizikal pada 25 September 2023 hingga 10 Oktober 2023. Sekolah yang telah disenarai pendek bagi kedudukan tiga teratas telah dijemput untuk membentangkan laporan sekolah hijau bagi sesi penilaian akhir pada 25 Oktober 2023 di Menara Bandaraya, MBSP. Tiga buah sekolah menengah dan tiga buah sekolah rendah telah terpilih untuk membentangkan penilaian akhir ini iaitu SJKC Mak Mandin, SJKC Yok Eng, SK Sungai Puyu, SMK Kg Kastam, SMK Bakti dan SMK Convent Butterworth. Panel penilai yang telah dijemput terdiri daripada En. Chen Thean Hock (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang) Puan Loh Poh Chen (Penggiat Aktiviti Hijau), Ms. Kim Tan (Syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd) dan Pn Norma binti Abd Razak dari Jabatan Alam Sekitar (JAS). Senarai pemenang akan diumumkan dalam majlis rasmi yang akan dimaklumkan kelak.





PROGRAM	TAKLIMAT KITAR SEMULA DAN PENGASINGAN SISA DI PUNCA MBSP DALAM BENGKEL PENGURUSAN BUKU TEKS (SPBT) PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
TEMPAT	
TARIKH	26 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah dijemput oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang di bawah Sektor Pembangunan Murid untuk memenuhi satu slot taklimat pengasingan sisa di punca di dalam Bengkel Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Dewan Seminar Al-Ansar, Masjid Seberang Jaya. Taklimat yang diberikan adalah berkaitan Pengurusan Pelupusan Bahan Kertas dan Pengasingan Sisa Di Punca yang boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah agar dapat menguruskan sisa dengan lebih cekap, mesra alam serta menjimatkan kos. Selain itu, para guru turut didedahkan dengan pelbagai program yang dilaksanakan oleh MBSP yang melibatkan pihak sekolah. Antaranya ialah Pertandingan kitar semula sekolah, anugerah sekolah hijau, insentif kitar semula, taklimat, pameran dan bengkel pengasingan sisa dipunca bersama murid dan guru, bengkel upcycle, bengkel sekolah hijau dan juga aktiviti urban farming yang boleh disertai oleh pelajar serta guru-guru di sekolah dalam usaha untuk mewujudkan Seberang Perai yang lebih bersih, hijau dan berdaya huni.



PROGRAM	TAKLIMAT KITAR SEMULA DAN PENGASINGAN SISA DI PUNCA MBSP PUSAT JAGAAN SEMPURNA HARMONI, SPS
TEMPAT	NIBONG TEBAL
TARIKH	26 OKTOBER 2023

Seterusnya, MBSP turut mengadakan bengkel Kitar Semula di Pusat Jagaan Sempurna Harmoni, Taman Kendi, Simpang Ampat, SPS bagi memberi pendedahan kepada kanak-kanak usia awal tahun bagi mengenali apa itu Kitar Semula serta mendidik untuk diamalkan dalam kehidupan seharian demi mewujudkan generasi baharu yang cakna Alam Sekitar pada masa hadapan.





PROGRAM	MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH TAHUN 2023
TEMPAT	AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	27 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Anugerah Kitar Semula di peringkat sekolah bersama-sama pihak Korporat iaitu Fraser & Neave Holding Berhad (FNHB) sejak dari tahun 2017 hingga kini. Badan Korporat yang terlibat bersama dalam program ini juga ialah Tetrapak Malaysia Sdn Bhd. Penyertaan Anugerah Kitar Semula pada tahun ini telah disertai sebanyak 18 sekolah menengah, 22 sekolah rendah dan sembilan (9) tadika atau prasekolah. Jumlah keseluruhan beratan barang kitar semula yang telah dikumpulkan oleh semua sekolah yang terlibat pada kali ini ialah sebanyak 79,612.27 Kilogram. Sebanyak 10 pemenang telah dipilih bagi setiap kategori sekolah yang telah berjaya melaksanakan aktiviti ini. Bagi kategori Pra Sekolah, Tadika Interaktif telah memenangi tempat pertama, Pra Sekolah SK Jawi di tempat kedua dan Tadika Nibong Tebal di tempat ketiga. Bagi kategori Sekolah Rendah pula, SJK (C) Kuang Yu sebagai tempat pertama, SJK (C) Sin Chung sebagai tempat kedua dan SJK (C) Lee Chee di tempat ketiga. Manakala bagi kategori Sekolah Menengah pula, Kolej Tingkatan Enam Desa Murni telah memenangi tempat pertama, SABK AL Madrasah AL Khairi AL Islamiah telah memenangi tempat kedua dan SMK Prai telah memenangi tempat ketiga.



PROGRAM	MAJLIS PERASMIAH PUSAT KITAR SEMULA TAMAN PELANGI, SPT
TEMPAT	TAMAN PELANGI, JURU
TARIKH	28 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dengan kerjasama dari badan Korporat iaitu Taiko Marketing Sdn Bhd telah menubuhkan Pusat Kitar Semula bagi Blok A hingga H, Taman Pelangi, Perai. Majlis perasmian telah diadakan oleh YBrs. Encik Zainuddin bin Mohamed, Whip Ahli Majlis MBSP yang mewakili Datuk Bandar serta turut dihadiri oleh Puan Normahani binti Muhamad, YBhg. Datuk Mohd Noor bin Ahmad, Whip Ahli Majlis dan barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Encik Muhamad Azizul bin Zahidin, Government Relation Manager of Taiko Marketing Sdn Bhd, Encik Tan Chai Liong, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Pelangi Blok A-H serta penduduk sekitar.





PROGRAM	PROGRAM PENGASINGAN SISA ORGANIK SERTA MAJLIS PELANCARAN TONG PENGUMPULAN SISA ORGANIK MBSP 2023
TEMPAT	AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	31 OKTOBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah menganjurkan Program Pengasingan Sisa Organik serta Majlis Pelancaran Tong Pengumpulan Sisa Organik MBSP 2023 yang diadakan di Auditorium MBSP, Menara Bandaraya, Bandar Perda pada petang ini. Program ini diadakan bertujuan untuk mendidik para peniaga dengan memberikan tong pengumpulan sisa organik secara percuma kepada peniaga di pasar awam MBSP. Tong ini digunakan untuk mengasingkan sisa organik yang boleh dikumpul semasa menjalankan aktiviti perniagaan di pasar awam dan digunakan semula untuk diproses menjadi baja kompos. Melalui kaedah ini, sisa organik yang dihasilkan di punca diharapkan boleh dikurangkan dan dapat membantu mengurangkan kos pengendalian sisa makanan dan pada masa yang sama dapat mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut hadir bersama ialah barisan Whip & Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-ketua Jabatan MBSP, YBhg. Dato' Syamshuar bin Husin, Pengarah Urusan Syarikat Greenviro Solutions Sdn Bhd. YBhg. Datuk Bandar turut menyampaikan tong pengumpulan sisa organik kepada wakil peniaga sebagai tanda bermulanya usaha ini. Program yang mendapat kerjasama strategik daripada badan Korporat iaitu Syarikat Greenviro Solutions Sdn Bhd ini diharapkan dapat memastikan program pengasingan sisa dipunca ini akan berjaya dengan melibatkan sebanyak 30 pasar awam MBSP yang terdiri daripada 495 buah gerai.





PROGRAM	<p align="center">PROGRAM JALINAN MESRA DAN MAJLIS PENYERAHAN KERUSI RODA SERTA PRODUK UPCYCLE KEPADA DARUL HANAN PULAU PINANG</p>
TEMPAT	<p align="center">DARUL HANAN TASEK GELUGOR</p>
TARIKH	<p align="center">28 OKTOBER 2023</p>

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) MBSP serta unit Upcycle telah mengadakan Program Jalinan Mesra dan Majlis Penyerahan Kerusi Roda Serta Produk Upcycle kepada Darul Hanan Pulau Pinang, Pongsu Seribu, Kepala Batas. Kompleks warga emas Darul Hanan Pulau Pinang telah dibina di bawah pembiayaan Yayasan Bukhary di atas sebahagian tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk penempatan dan penjagaan warga emas. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh YBhg. Dato Dr. Roslan bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MAINPP merangkap Pengerusi Darul Hanan Pulau Pinang, barisan Ahli Majlis MBSP, YBhg. Datin Razimah binti Mohamed, Pengerusi PUSPANITA MBSP, Puan Noraisyah binti Hashim, Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP, Puan Siti Sarah binti Yahaya, Pengurus Darul Hanan Pulau Pinang serta wakil-wakil daripada PUSPANITA MBSP dan warga Darul Hanan Pulau Pinang.





PROGRAM	LAWATAN PENANDAARASAN DAN KEMBARA ILMU SEKOLAH KEBANGSAAN DATO' NANING, ALOR GAJAH, MELAKA KE BENGKEL UPCYCLE MBSP
TEMPAT	UPCYCLE, KEPALA BATAS
TARIKH	07 DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima Lawatan Penandaarasan dan Kembara Ilmu daripada para pelajar serta guru dari SK Dato' Naning, Alor Gajah, Melaka ke Bengkel Upcycle MBSP Bertam Indah, SPU di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan, menambah ilmu pengetahuan dan memberi pengalaman baharu serta meningkatkan keyakinan diri pelajar. Rombongan yang hadir juga terdiri daripada kalangan murid-murid pendidikan khas yang istimewa termasuk guru pengiring serta waris seramai 31 orang. Turut hadir bersama meraikan rombongan SK Dato' Naning ke bengkel Upcycle MBSP ini ialah YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai; YBrs. Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBSP, YBrs. Encik Amin bin Awaludin, Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas SK Dato' Naning; guru-guru pengiring serta pegawai-pegawai kanan MBSP.





PROGRAM	PAMERAN UPCYCLE MBSP DI PROGRAM SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PULAU PINANG TAHUN 2023
TEMPAT	UITM PERMATANG PAUH
TARIKH	10 DISEMBER 2023

rogram Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Pulau Pinang tahun 2023 yang berlangsung mulai 8 hingga 10 Disember 2023 (Jumaat - Ahad) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Permatang Pauh, SPT. Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Pulau Pinang tahun 2023 telah dirasmikan pada hari ini oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh barisan EXCO dan ADUN Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dif-dif jempunan, barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid, Setiausaha Bandaraya MBSP serta pegawai-pegawai kanan agensi Kerajaan.





PROGRAM	LAWATAN PENANDAARASAN DAN KEMBARA ILMU SEKOLAH KEBANGSAAN DATO' NANING, ALOR GAJAH, MELAKA KE BENGKEL UPCYCLE MBSP
TEMPAT	AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	13 DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama daripada Continental Automotive Components(Malaysia) Sdn. Bhd. telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Sekolah Hijau tahun 2023 yang berlangsung di Auditorium, Menara Bandaraya, MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis perasmian serta sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBrs. Puan Heng Yeh Shiuan, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa LA21 MBSP serta turut dihadiri oleh YBrs. Encik Cheen Gooi Hooi & YBhg. Datuk Mohd Noor bin Ahmad, Whip Ahli Majlis MBSP; barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Carlos Cano, Pengarah Urusan Continental Automotive Components (M) Sdn Bhd; ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan MBSP; guru pengiring dan murid-murid sekolah. Secara keseluruhannya, pemenang bagi kategori Sekolah Rendah ialah SJK(C) Yok Eng telah dinobatkan sebagai Juara, SJK(C) Mak Mandin di tempat kedua manakala SK Sungai Puyu di tempat ketiga. Pemenang bagi kategori Sekolah Menengah pula ialah SMK Convent Butterworth di tempat pertama, SMK Kampung Kastam di tempat kedua, manakala SMK Bakti di tempat ketiga. Semua pemenang menerima hadiah wang tunai serta sijil penyertaan.



PROGRAM	MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN PENGUMPULAN BARANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2024
TEMPAT	BUKIT PANCHOR, NIBONG TEBAL
TARIKH	16 DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah menganjurkan Majlis Pelancaran Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah 2024 di Dewan MPKK Bukit Panchor, Nibong Tebal. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang serta turut dihadiri oleh Puan Heng Yeh Shiuan, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa LA21 MBSP; Puan Norhidayah Binti Che Ros & Encik Benson Neoh Kah Wei, Ahli Majlis MBSP; Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran; wakil dari Cycle Trend Industries Sdn Bhd serta wakil Pusat Komuniti Seberang Perai.





PROGRAM	KEMPEN AMALAN KITAR SEMULA DAN KARNIVAL UPCYCLE DI MEDAN SELERA KOTA PERMAI
TEMPAT	KOTA PERMAI
TARIKH	17 DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah menganjurkan Kempen Amalan Kitar Semula dan Karnival UpCycle yang diadakan di Medan Selera Kota Permai, Taman Kota Permai, SPT. Turut hadir bersama dalam Program ini ialah Puan Teh Chuann Yien, Ahli Majlis MBSP, pegawai-pegawai kanan serta penduduk sekitar. Karnival Upcycle diadakan secara rutin di Medan Selera Kota Permai setiap minggu ketiga pada setiap bulan. Pada minggu ini MPKK Taman Kota Permai dan Pusat Khidmat Padang Lalang turut bersama MBSP bagi mengadakan Kempen Amalan Kitar Semula dan Karnival Upcycle. Program ini mendapat sambutan dari 140 orang peserta yang telah datang mendaftar di urusetia sepanjang program ini berlangsung. Peserta turut membawa barangan kitar semula berupa kadboard, botol, beg plastik, kertas, bekas telur dan tin minuman untuk diserahkan kepada urusetia.





PROGRAM	PROGRAM PROJEK CARETON BERSAMA TETRA PAK DAN NESTLE MILO UHT MALAYSIA BAGI AKTIVITI KEMPEN KUTIPAN KOTAK MINUMAN UNTUK DIKITAR SEMULA
TEMPAT	AUDITORIUM, MBSP
TARIKH	20 DISEMBER 2023

Program CAREton merupakan kerjasama bersama antara pihak Korporat iaitu Tetra Pak (M) Sdn Bhd dan Nestle Malaysia bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi menganjurkan kempen kutipan kotak minuman terpakai untuk dikitar semula dan program kesedaran bersama penduduk Seberang Perai pada tahun 2024. Majlis Pelancaran Program CAREton bersama pihak Tetra Pak (M) Sdn Bhd dan Nestle Milo UHT Malaysia ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azhar bin Hj Arshad, Datuk Bandar Seberang Perai serta turut dihadiri oleh Puan Terryz Tan, Pengarah Urusan Syarikat Tetra Pak (M) Sdn Bhd; Puan Jessica Jane Funk, Brand Manager Milo UHT Nestle Malaysia; ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan MBSP. Disamping itu, Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman kepada kakitangan MBSP juga turut diadakan dan penyampaian hadiah telah diserahkan oleh YBrs. Puan Heng Yeh Shiuan, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa LA21 MBSP serta Encik Ng Yee Siang, Ahli Majlis MBSP. Turut diadakan juga ialah taklimat ringkas pengenalan projek CAREton kepada kakitangan MBSP terlebih dahulu sebelum program ini akan dijalankan secara menyeluruh di Seberang Perai pada tahun 2024.



PROGRAM	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SENI KOLAM BERASASKAN BARANGAN KITAR SEMULA SEMPENA HARI PERAYAAN DEEPAVALI TAHUN 2023
TEMPAT	DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI
TARIKH	12 DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menganjurkan Pertandingan Seni Kolam Berasaskan Barangan Kitar Semula Sempena Hari Perayaan Deepavali tahun 2023 di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth. Program ini telah disertai sebanyak 11 sekolah rendah dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) seluruh Seberang Perai. Sehubungan itu, MBSP telah mengadakan pertandingan melukis atau mengubah seni kolam ini sempena sambutan perayaan Deepavali pada tahun ini dengan menggunakan konsep Rangoli Kolam Kitar Semula Demi Memelihara Alam Sekitarnya yang mana setiap sekolah diwakili lima (5) orang peserta (dua orang guru dan tiga orang pelajar). Tempoh yang diberikan untuk menyiapkan seni ranggoli kolam adalah selama tiga (3) jam dan ranggoli kolam yang disediakan adalah bersaiz kertas mahjung. Majlis perasmian serta penyampaian hadiah program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Heng Yeh Shiuan, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa LA21 MBSP serta turut dihadiri oleh Encik Cheen Goon Hooi & Puan Normahani binti Muhamad, Whip Ahli Majlis MBSP; barisan Ahli-Ahli Majlis MBSP, ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan agensi yang terlibat.